

Soalan 96 hingga 100

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Di hujung sebuah kampung, tinggal Pak Karim dan tiga orang anaknya. Pak Karim sangat gigih membesarkan anak-anaknya. Isteri Pak Karim, iaitu Mak Siti telah meninggal dunia akibat demam panas.

Pak Karim cuma berkelulusan darjah enam. Dia banyak bergantung pada laut untuk mencari rezeki bagi menyara keluarganya. Walaupun terpaksa bergelut dengan pukulan ombak dan panas terik mentari, dia tetap tabah menjalani *liku-liku hidup*. Hasil tangkapan yang diperoleh pada setiap hari tidak seberapa. Adakalanya cukup-cukup makan sahaja.

Pak Karim berasa susah hati kerana terpaksa meninggalkan anak-anaknya di rumah tanpa pengawasan orang dewasa. Dalam masa yang sama, dia perlu turun ke laut untuk mencari sesuap nasi. Mujurlah anaknya yang sulung, iaitu Faizah sudah boleh diharapkan untuk menjaga adik-adiknya. Jiran Pak Karim, iaitu Mak Anis pula sering menjenguk anak-anak Pak Karim semasa ketiadaannya.

Pak Karim amat mengambil berat tentang pelajaran anak-anaknya. Dia selalu memberikan kata-kata semangat kepada mereka. Pak Karim yakin bahawa hanya pelajaranlah yang dapat mengubah nasib mereka sekeluarga. Dia mahu mereka berjaya dalam pelajaran dan menjawab jawatan yang tinggi. Dia tidak mahu anak-anaknya mengikut jejak langkahnya sebagai nelayan. Anak-anak Pak Karim tahu tentang impian ayah mereka. Oleh itu, setiap hari mereka belajar dengan tekunnya.

Akhirnya, harapan Pak Karim menjadi kenyataan. Semua anaknya berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading. Kejayaan mereka hasil daripada dorongan dan kata-kata semangat yang diberikan oleh Pak Karim. Dia sangat bersyukur.

98. Apakah punca utama yang membawa kejayaan kepada anak-anak Pak Karim?

- A Dorongan dan kata-kata semangat daripada Pak Karim
- B Penjagaan dan layanan yang baik daripada Mak Anis
- C Kesusahan hidup yang dialami oleh Pak Karim
- D Kecekalan dan keyakinan hati mereka

99. Pernyataan yang berikut **benar** tentang petikan, **kecuali**

- A Pak Karim bapa tunggal.
- B anak sulung Pak Karim bernama Faizah.
- C seorang daripada anak Pak Karim bekerja sebagai nelayan.
- D kesemua anak Pak Karim berjaya menjejakkan kaki ke universiti.

100. Rangkai kata *liku-liku hidup* dalam petikan bermaksud

- A selok-belok dalam kehidupan.
- B kehidupan yang tidak teratur.
- C susah payah dalam kehidupan.
- D kehidupan yang serba kekurangan.